



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 25 JUN 2024**

| <b>BIL.</b>    | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>    |
|----------------|---|--|
| 1.<br>2.       | BELA LEMBU BERBALIO BANDING MAKAN GAJI, DALAM NEGERI, UM -33<br>SANGGUP BERHENTI KERJA TERNAK LEMBU 'SADO', MARANG, SH -22                            | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)     |
| 3.<br>4.<br>5. | OIL SLICK A BLOW TO FISHERMEN, NEWS, NST -7<br>KELUNTURAN TERUMBU KARANG MALAYSIA, NASIONAL, SH -13<br>HIDUPAN LAUT DIANCAM TEKANAN, NASIONAL, SH -13 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)         |
| 6.             | 7,000 PESAWAH GESA PERCEPAT LETUP BATU HAMPARAN, NASIONAL,<br>BH -19  | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

25/6/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

33

# Bela lembu berbaloi banding makan gaji

**MARANG:** Bermula dengan lima ekor lembu pada tahun 2018, seorang pemuda kini bergelar penternak berjaya apabila memiliki 43 ekor lembu pelbagai jenis termasuk lembu sado.

Aiman Asyraf Kamarudin, 33, berkata, dia terpenggil untuk menceburi bidang penternakan setelah mendapati penternak tempatan hanya mampu membekalkan kira-kira 30 peratus daripada keperluan bekalan daging negara manakala selebihnya diimport.

Menurutnya, dia nekad berhenti kerja sebagai penyelia projek di sebuah syarikat di Kuantan dan mengusahakan ternakan lembu fidlot di Kampung Tok Fakir, Merchang, di sini.

"Pada mulanya, kami memberi fokus kepada lembu baka Brahman dan selepas projek itu mendapat sambutan, saya mula menternak lembu sado pada 2022 dengan fokus mengeluarkan lembu pedaging baka Charolais dan Limousine.

"Alhamdulillah segala penat lelah saya berbaloi apabila kini memiliki lapan ekor lembu sado baka Charolais dan Limousine serta 35 ekor lembu baka Brahman yang menjadi sumber rezeki saya pada masa sekarang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bekas graduan Diploma Pembuatan, Kolej Universiti TATI (UC TATI) itu berkata, dia menubuhkan AIDEN Cattle Farm enam tahun lalu untuk



**AIMAN Asyraf Kamarudin menunjukkan sebahagian daripada lembu yang diternak di Kampung Tok Fakir, Merchang, Marang, semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN**

lebih serius dalam bidang penternakan dan jihad ekonomi untuk umat Islam.

Menurutnya, dia memberi makanan terbaik seperti jagung, silaj dan rumput segar selain pallet yang menjadi diet utama bagi memastikan daging lembu peliharaannya berkualiti.

"Alhamdulillah, tekstur dag-

ing itu terutama baka Charolais dan Limousine lebih berkualiti kerana kurang lemak, padat dan lebih lembut dan menjadi pilihan orang ramai untuk mendapatkan lembu ibadat korban," katanya.

Lebih mengujakan Aiman apabila dia terpilih sebagai calon Penternak Jaya 2024 Peringkat Daerah Marang oleh

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu di sini, baru-baru ini.

"Awal tahun ini AIDEN Cattle Farm turut mendapat pengiktirafan sebagai Kangang Bimbingan Jabatan Veterinar Negeri Terengganu," katanya yang tidak menyesal meninggal kerja makan gaji dengan menceburi bidang ternakan lembu.



Aiman Asyraf menyebarkan rumput kepada lembu ternakannya.

# Sanggup berhenti kerja ternak lembu 'sado'

Bekas penyelia syarikat telekomunikasi bekal daging berkualiti untuk ibadiah korban

Oleh NORHASPIDA YATIM  
MARANG

**B**ermula dengan ternakan lembu secara kecil-kecilan, bekas penyelia sebuah syarikat telekomunikasi kini mampu meraih pulangan lumayan hasil ternakan lembu di Kampung

Tek Fakir, Marang di sini. Walaupun sudah memiliki kejayaan temp, namun Aiman Asyraf Kamanudin, 33, yang berasal dari Kampung Mekar Mengandung tidak meninggalkan kegiatannya itu untuk bergelar penternak moden.

Graduan Diploma Pembuatan dari Kolej Universiti TATIUC (ATI) itu mula ternakan lembu sejak tahun 2018 dengan modal hasil perkongsian bersama keluarga.

"Saya mula memelihara lima ekor lembu di kawasan seluas setengah ekar. Ketika itu kami memberi fokus kepada ternakan Limousine dan Charolais. Saya juga pernah mendapat anugerah penternak ternak lembu 'sado' pada tahun 2022 dengan fokus pengeluaran lembu pedaging baka Charolais dan Limousine.

"Saya lihat usaha ini berbaloi dan kini memilih fokus kepada ternakan Limousine serta 35 ekor lembu baka Brahman yang menjadi sumber rezeki



Aiman Asyraf memberi makanan berkualiti kepada lembu ternakan di ladangnya bagi mengasah daging yang bermutu.

di, katanya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Aiman Asyraf yang turut membubuh ADEN Cattle mengemukakan, beliau menceburi ternakan lembu 'sado' untuk didorong sebagai bekal daging lembu di pasaran tempatan dan luar negara.

Menurutnya, penternak tempatan hanya mampu memasok permintaan 30 peratus sahaja daripada keperluan bekalan daging negara manakala selebihnya diimport dari luar Malaysia.

"Banyak sebab mendorong saya menceburi bidang ini dan saya juga tidak terkecuali menerima pesepati keliling memandangkan saya sudah bekerja dan memilih untuk berhenti serta menjadi penternak," ujarnya.

Katanya, lembu yang diternak di ladangnya istimewa kerana diberi makanan berkualiti seperti jagung, dedaun dan rumput selain pielit yang menjadi diet utama.

"Apabila diberi makanan yang berkualiti, tektur daging terutama

diarpada baka Charolais dan Limousine lebih bermutu kerana kurang lemak, padat dan lebih lembut.

"Sebab itulah kami sentiasa mementingkan kualiti makanan ternakan yang ingin mendedahkan lembu untuk tujuan 'sado' korban," ujarnya yang memiliki tiga pekerja.

Jelasnya, ternakan lembu secara integrasi kerana ia ditempatkan di kawasan yang subur dengan air kawal dan tidak terkesan dengan penduduk setempat.

Usaha gigih dalam bidang ternakan itu membolehkan Aiman dipilih sebagai calon Penternak Jaya 2024 peringkat Daerah Marang dan Syarikat Penternak Marang yang diketuai sebagai Kandang Bimbingan Jabatan Veteriner Negeri (terengganu).

Tambahnya, melalui program itu pihak jabatan akan memberi nasihat, memantau ternakan dan menyalurkan bantuan yang sesuai. "Saya juga sudah pembekal utama lembu korban di sekitar daerah Marang," katanya.

MURKY LIVELIHOODS

# OIL SLICK A BLOW TO FISHERMEN

Pollution can render fishing tools useless, warns Sg Rengit association chairman

JASSMINE SHADIQE  
KOTA TINGGI  
news@nst.com.my

**F**OR the past week, fishermen in Sungai Rengit have done something they rarely do — stay away from the sea.

Last week's oil spill at Singapore's Pasir Panjang Terminal has drifted into Malaysian waters, affecting the livelihoods of those who depend on the sea.

"Our fishing tools, such as nets,

ropes and buoys are not cheap," Sungai Rengit Fishermen's Welfare Association chairman Rosli Mohd Ali, 56, told the *New Straits Times*.

"If they are contaminated with oil they cannot be used anymore and must be discarded."

The inability to work is a massive blow to Rosli and the other 150 fishermen in the area.

"Fishermen can't fish all year round, so what we make needs to be kept aside."

Fishermen here typically sell



A cleanup crew sieving out oil slicks on a beach near Sungai Rengit, Johor Baru, last Friday. BERNAMA PIC

their catch to middlemen in Pontian, who export them to Singapore. On a good day, they can make RM1,000.

But this came to an abrupt halt after oil slicks drifted into Pengerang waters on June 18 — four days after a collision of two vessels in Singapore led to 400 tonnes of low-sulphur oil leaking into the sea.

"Our daily operations cost a lot. We need to fuel our boat, and pay our crew members," Rosli said, adding that each boat was manned by a crew of five people.

"We are losing our income daily, and that will just add to our debts."

He said representatives of the

vessels involved in the collision have met them and taken their details.

The Fisheries Department is also helping them lodge police reports to facilitate claims.

Yesterday, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman said the government will request United Kingdom-based insurer British Marine to compensate fishermen affected by the oil spill.

Johor Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip said the state government had approved funds to help the fishermen.

# Kelunturan terumbu karang Malaysia

### Peningkatan suhu permukaan laut beri implikasi serius terhadap biodiversiti marin

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI SHAH ALAM



Kepentingan ekonomi dan ekologi terumbu karang semakin meningkat. Namun, terumbu karang di Malaysia menghadapi ancaman serius akibat pemanasan global dan pencemaran.

Terumbu karang di negara ini sedang mengalami kemerosotan yang ketara. Menurut laporan terbaru, terumbu karang di Pulau Tioman (Terengganu) dan Pulau Perhentian (Kelantan) mengalami kemerosotan yang ketara. Ini disebabkan oleh peningkatan suhu permukaan laut yang memberi implikasi serius terhadap biodiversiti marin.

National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) telah mengeluarkan 'Bleaching Watch' untuk Malaysia mengenai terumbu karang. Laporan ini menunjukkan bahawa terumbu karang di Malaysia mengalami tekanan termal pada terumbu karang.



Kepulauan orang ramai penting dalam mengurangkan kesan kelunturan karang secara besar-besaran di Malaysia.


Menurutnya, sebagai tindak balas pihaknya mengeluarkan amaran pada 1 April 2023 mengenai ancaman terhadap terumbu karang di seluruh negara. Pihak Berkuasa Laut dan Lautan Malaysia (PBL) telah mengeluarkan amaran ini.

"Tinjauan yang dijalankan dari April hingga Jun menunjukkan lebih 50 peratus terumbu karang mengalami pemutihan di Kepulauan Tioman Laut serta Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Tioman (Terengganu), Pulau Tenggol (Perangin) dan Pulau Tioman (Johor) telah mengalami pemutihan terumbu karang yang terjejas berdasari peratusnya. Ini adalah pemutihan terumbu karang yang ketara dan menunjukkan bahawa terumbu karang di Malaysia mengalami perubahan dalam situasi kelunturan," katanya.

## Hidupan laut diancam tekanan



SHAH ALAM - Kelunturan terumbu karang boleh menyebabkan kehidupan laut lain-lain terancam. Ketua Menteri Johor, Ismail Sabri Yaakob, berkata, terumbu karang yang hidup di dalamnya akan terancam apabila terumbu karang itu terancam.



CHUN HONG - Ujarnya, perubahan suhu permukaan laut akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya. Beliau berkata, terumbu karang yang terancam akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya.

Shah Alam berkata, terumbu karang yang terancam akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya. Beliau berkata, terumbu karang yang terancam akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya.

Chun Hong berkata, terumbu karang yang terancam akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya. Beliau berkata, terumbu karang yang terancam akan memberi tekanan kepada kehidupan laut yang tinggal di dalamnya.

# 7,000 pesawah gesa percepat letup batu hamparan

Usaha perlu dilaksanakan segera kerana 3,500 petani hilang punca pendapatan akibat kemarau

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Lebih 7,000 pesawah di Kelantan menggesa Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menyelesaikan masalah air dengan segera termasuk mempercepat letupan batu hamparan, dalam usaha meningkatkan aliran air.

ini paling teruk apabila tiga musim berturut-turut mereka mengalami kerugian.

"Bayangkan keadaan pesawah sekarang yang hilang punca pendapatan disebabkan kerugian teruk dalam tempoh lebih setahun lalu.

"Kebanyakan daripada kami sekarang hanya duduk rumah dan tidur sahaja kerana untuk keluar mencari kerja sudah tentu memerlukan modal.

"Pada masa sama, kami terbeban hutang dengan Agrobank yang tidak dapat dibayar disebabkan kerugian hasil padi.

"Justeru, kami menggesa supaya KADA menyelesaikan masalah ini dengan segera. Jika



Letup batu hamparan tingkat aliran air ke Rumah Pam Kemubu

Keratan akhbar BH semalam.

Mereka mendakwa daripada jumlah pesawah berkenaan, 3,500 pesawah kini hilang punca pendapatan dan tersepit dengan bebanan hutang disebabkan tidak dapat menanam padi susulan masalah air yang dihadapi.

## Kemarau paling teruk

Pengerusi Persatuan Pesawah-Pesawah Kelantan, Zuha Ismail, 51, turut menyifatkan kemarau kali



Pesawah, Mohd Zaki Zakaria menunjukkan padi rosak akibat kemarau di Kampung Bendang Melur, Kota Bharu.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

meletupkan batu hamparan berhampiran Rumah Pam Kemubu adalah jalannya dan dapat selesaikan masalah, saya mohon ia disegerakan," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, masalah yang dialami menyebabkan 3,500 pesawah membabitkan keluasan lebih 800 hektar tidak menanam padi pada musim baharu yang sepatutnya bermula 1 Jun lalu.

Terdahulu, media melaporkan,

meletupkan atau memecahkan batu hamparan berhampiran Rumah Pam Kemubu bagi proses penajajaran untuk meningkatkan paras air, menjadi antara beberapa penyelesaian jangka pendek mengatasi masalah air akibat kemarau.

Proses memecahkan batu hamparan di laluan air masuk kawasan pam membolehkan air Sungai Kelantan tetap mengalir walaupun berada pada paras yang rendah.